



SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN
ARAS 4, BLOK "B" WISMA DARUL AMAN
JALAN TUNKU BENDAHARA
05503 ALOR SETAR
KEDAH DARUL AMAN



Telefon : 04-702 7000
Faks : 04-702 7100
Laman Web : www.kedah.gov.my
E-Mail : suk@kedah.gov.my

Ruj Kami : PSU(K)549-1434 JILID 18 (10)
Tarikh : 26 Februari 2020
02 Rejab 1441H

Seperti Senarai Edaran

YB. Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan,

PEKELILING ARAHAN WAJIB PEMBAYARAN ZAKAT PENDAPATAN MENERUSI POTONGAN GAJI KEPADA KAKITANGAN KERAJAAN / BADAN BERKANUN / ANAK-ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI YANG BERAGAMA ISLAM DI NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa **Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Aminul Karim Sultan Salehuddin ibni Al Marhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah** telah bertitah pada 4 Februari 2020 di Dewan TH Convention Centre Alor Setar, Kedah supaya semua agensi kerajaan dan swasta membuat potongan gaji zakat pendapatan kepada kakitangan yang mempunyai pendapatan melebihi nisab dengan taksiran yang tepat kepada Lembaga Zakat Negeri Kedah.

3. Perkara ini juga selari dengan pelaksanaan arahan wajib potongan zakat pendapatan berdasarkan keputusan **Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Kertas No. 6(F)465/2007** seperti berikut:

"Majlis bersetuju menerima pakai pekeliling Arahan Wajib Pembayaran Zakat Pendapatan Menerusi Potongan Gaji Bagi Kakitangan Kerajaan / Badan Berkanun / Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri yang Beragama Islam".

Ruj Kami: PSU(K)549-1434 JILID 18 (10)


4. Sehubungan itu, inilah dipohon kerjasama pihak YB. Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan untuk memberi kebenaran kepada Lembaga Zakat Negeri Kedah bagi membuat taksiran kelayakan zakat kepada setiap kakitangan yang beragama Islam di agensi YB. Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan berdasarkan kepada penyata gaji yang terkini.

5. Sebarang maklum balas, pihak YB. Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan boleh menghubungi pegawai zakat iaitu En. Hilmi Bin Anasat di talian 04-733 1740 / 013-406 0527. Kerjasama dan perhatian YB. Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan berkenaan perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK AGAMA DAN NEGARA”

“KEDAH AMAN MAKMUR-HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH”



**(DATO' PADUKA AMMAR BIN DATO' SHAIKH MAHMOOD NAIM,
DPSS., DSDK., JSD., SSS., AMK., AMN., BCK.)**
Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah,
Merangkap Pengerusi Lembaga Zakat Negeri Kedah

s.k. Tuan Syeikh Haji Zakaria bin Othman
Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman
Aras 3, Menara Zakat, Jalan Telok Wanjah
05200 Alor Setar
Kedah Darul Aman.